

30 JUL 1996
Abdullah-Austria
MALAYSIA, AUSTRIA SETUJU TINGKATKAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Malaysia akan menghantar para pelajar mengikuti pangajian peringkat lepasan ijazah dalam bidang pengurusan mapan hutan tropika di Austria.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Austria telah menawarkan biasiswa khas bernilai 500,000 Austrian Shilling (ATS) atau kira-kira RM125,000 dalam bidang berkenaan.

Tawaran itu dibuat oleh Canselor Austria Dr Franz Vranitzky semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri hari ini. Mereka kemudiannya mengetuai delegasi masing-masing mengandungi menteri-menteri dan para pegawai pada mesyuarat antara kedua-dua pihak.

Dalam persidangan berita kemudiannya, Abdullah berkata Malaysia dan Austria juga bersetuju meningkatkan perdagangan yang kini dianggap kecil kerana jumlahnya tidak sampai RM200 juta.

Dr Vranitzky tiba di ibu negara pagi ini untuk lawatan rasmi empat hari. Beliau mengetuai perwakilan rasmi 17 anggota termasuk Menteri Kewangan Viktor Klima dan Menteri Kesihatan, Sukan dan Perlindungan Pengguna Puan Christa Krammer manakala 61 wakil sektor swasta turut menyertai delegasi itu.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin turut bertukar pendapat mengenai keadaan di Bosnia Herzegovina, reformasi terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta usaha meningkatkan hubungan Asia-Eropah.

Dr Mahathir dan Dr Vranitzky, yang bersama-sama menghadiri mesyuarat pertama pemimpin Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok pada Mac lepas, bersetuju supaya hubungan itu diasaskan kepada kerjasama dan tidak bersifat konfrantasi.

Perdana Menteri juga menerangkan mengenai falsafah hubungan luar Malaysia yang mahu supaya negara-negara jiran turut mendapat kesenangan.

"Inilah pendekatan yang Malaysia ambil dalam mengadakan hubungan kerjasama pada peringkat antarabangsa dengan negara-negara lain," katanya.

Selain menggalakkan sektor swasta kedua-dua negara menjalinkan hubungan terutama dalam industri kecil dan sederhana, Abdullah berkata Malaysia dan Austria akan bekerjasama dalam bidang kesihatan.

Selepas mesyuarat antara delegasi itu, Dr Mahathir dan Dr Vranitzky menyaksikan upacara menandatangani satu perjanjian dan empat memorandum persefahaman antara sektor swasta kedua-dua negara.

Perjanjian antara AME Beteiligungs und Handelages mbH dan Radicare (M) Sdn Bhd itu ialah untuk menguruskan peralatan perubatan dan khidmat maklumat bagi hospital baru di Selayang.

Empat memorandum persefahaman itu pula membabitkan:

+ Muenze Oesterreich AG (Austrian Mint Corporation) dengan Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd untuk mengeluarkan wang syiling dan pingat di Malaysia.

+ Vamed Engineering-Medical and Hospital Engineering Co Ltd of Vienna dengan Sungei Cerah Sdn Bhd untuk pemilikan saham majoriti dalam Vamed Engineering (M) Sdn Bhd, anak syarikat Vamed, bertujuan bekerjasama dalam bidang penjagaan kesihatan di Malaysia dan negara-negara di rantau ini.

+ BWT-AG dengan Consistent Wisdom Sdn Bhd untuk mewujudkan syarikat usaha sama, BWT (M) Sdn Bhd bagi menjalankan kegiatan dalam bidang teknologi rawatan air.

+ Elin Electric Industries Sdn Bhd dengan Abrar Group International Sdn Bhd dan Manfield Development Sdn Bhd untuk mengadakan strategi pemasaran

bersama di Malaysia dalam bidang penjanaan kuasa. -- BERNAMA
AZZ MAI